

Dr. M ajak Kemboja sertai ASEAN

Daripada
KHALID MOHD.

Dr. M. overseas trips.

U.M 15 APR 1994

PHNOM PENH 14 April — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak Kemboja menyertai ASEAN ke arah melahirkan sebuah Asia Tenggara yang padu bagi menghadapi bersama masa depan yang semakin mencabar.

Beliau menegaskan, dengan kembalinya kedamaian di Kemboja serta berlakunya berbagai perubahan lain di rantau ini, masa sekarang merupakan peluang yang paling baik bagi memperkukuhkan kerjasama di antara negara-negara Asia Tenggara.

"Adalah menjadi harapan saya bahawa ASEAN akhirnya akan dianggotai oleh kesemua 10 negara Asia Tenggara.

"Bersama-sama akan dapat kita berganding bahu untuk membina sebuah lingkungan kemakmuran

yang lebih progresif dan berdaya tahan di rantau ini," ujar Dr. Mahathir di jamuan negara bagi meraikan lawatan beliau ke Kemboja.

Dr. Mahathir merupakan Perdana Menteri Malaysia yang kedua melakukan lawatan rasmi ke negara ini — 30 tahun selepas Almarhum Tunku Abdul Rahman datang ke mari.

Kedua-dua Perdana Menteri Kemboja, Putera Norodom Ranariddh dan Hun Sen hadir meraikan beliau dan rombongan Malaysia.

Harapan

Dr. Mahathir berkata, apa yang sedang berlaku di Asia Tenggara bolehlah diibaratkan sebagai fajar yang sedang menyingsing dengan kembalinya keamanan dan kestabilan.

Harapan baru ini, ujar beliau, memberi peluang kepada negara-negara di rantau ini untuk bergerak ke arah perkongsian serantau dan

usaha bagi mencapai matlamat ini hendaklah dimulakan daripada sekarang.

"Saya datang ke Phnom Penh dengan harapan akan dapat diwujudkan satu rangka kerja baru bagi kerjasama yang mapan di antara Kemboja dan Malaysia dan di antara kita dengan Asia Tenggara yang lain.

"Perkongsian serantau hendaklah dijadikan matlamat kita," ujar Perdana Menteri.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir melahirkan rasa yakin bahawa penyertaan Kemboja dalam ASEAN, sebagai pemerhati buat permulaan, akan dapat memudahkan usaha-usaha mencapai kerjasama serantau.

"Laos dan Vietnam sudahpun mengambil langkah-langkah menyediakan diri mereka bagi kema-

■ Lihat muka 2

Dr. M ajak Kemboja sertai ASEAN

U.M 15 APR 1994

sukan ke dalam ASEAN. Kedua-duanya yakin menjadi pemerhati.

"Saya harap Kemboja juga akan turut serta supaya ia juga akan akhirnya bersama-sama dalam arus kerjasama serantau yang sedang kita usahakan," ujar Perdana Menteri.

Di samping kerjasama serantau, kata Dr. Mahathir, Malaysia sebagai sahabat lama, akan terus membantu Kemboja dalam proses pembangunan dan pembinaan semula negara ini yang telah melalui pergolakan begitu lama.

Untuk memperkuat kerjasama ini, beliau menekankan perlunya kedua-dua buah negara mengadakan rangka-rangka kerja yang bersesuaian bagi memudahkan penandatanganan perjanjian-

perjanjian dua hala antara Kuala Lumpur dengan Phnom Penh.

Di samping kerajaan, katanya, sektor swasta Malaysia juga akan memainkan peranan dalam proses pembangunan semula ini di mana kedua-dua belah pihak akan mencapai faedah bersama.

Dr. Mahathir menegaskan, bagi Malaysia, keamanan dan kemakmuran di Kemboja adalah penting bagi kestabilan dan kemakmuran Asia Tenggara seluruhnya dan apa juga yang telah Malaysia sumbangkan dalam memulihkan Kemboja, dibuat atas rasa tanggungjawab sebuah jiran dan sahabat lama.

Sementara itu, sebaliknya Dr. Mahathir dan rombongannya disambut dengan penuh rasa besar

hati setibanya beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Poechentong dengan pesawat MAS dari Kuala Lumpur.

Di samping pembesarpembesar negeri dan diplomat-diplomat asing, kumpulan-kumpulan yang mewakili rakyat Kemboja turut berada di lapangan terbang untuk menyambut Perdana Menteri. Tidak ketinggalan rakyat Kemboja keturunan Champa yang boleh berbahasa Melayu. Dr. Mahathir bersalam-salaman dengan mereka yang menunggunya sejak awal pagi.

Dalam lawatan ini, Perdana Menteri diiringi oleh Datuk Seri Dr. Siti Hasmah, Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr. Lim Kheng Yaik.

Turut serta para pegawai tinggi kerajaan dan ahli-ahli perniagaan.

Sejurus tiba, Perdana Menteri meletakkan kalungan bunga di Tugu Kemerdekaan dan kemudian membuat kunjungan hormat ke atas Raja Norodom Sihanouk di Istana Diraja.

Di sebelah petang, Dr. Mahathir mengunjungi kedua-dua Perdana Menteri Kemboja dan mengadakan rundingan dua hala. Selepas itu beliau merasmikan Regent College, sebuah institusi pengajian tinggi swasta pertama di Kemboja. Kolej ini dimiliki sepenuhnya oleh usahawan Malaysia.

Di sebelah malam, Dr. Mahathir diraikan dalam jamuan negara. —*Utusan*.